- b) 所有每周佣金和/或红利将在每周截止日期后的21天内以当地货币发放给会员。季度分红则于每个季度之截止日期后的21天内发放。在由公司控制范围以外的外在因素所导致的意外情况之下则会延迟几天。
- c) 佣金最低支付额为MYR42。任何少于MYR42的佣金将被积累直到超过最低支付额MYR42后才发放给会员。
- d) 公司有权针对下列情况于每个佣金周期征收MYR84费用：
 - i. 会员的电子钱包(e-wallet)在长达12个月内没有佣金收入；
 - ii. 会员长达6个月的疏忽/漏报而导致佣金发放的拖延/待定。
- e) 会员收到每周红利结单后，应立即检查是否有误。若有任何问题，必须在结单发出之日起14天内提出，否则该红利结单将被视为准确无误。
- f) 公司有权根据被退还/退款的产品调整所有已付和/或应付佣金和/或红利，而该调整会反映在会员的每周红利结单里。

12. 一般规定

- a) 保密性: 除非是公司允许的情况下，否则会员不可向第三方披露或使用机密信息，包括但不限于系谱、制造商信息、佣金和业绩报告、产品规格或配方和其他公司所取得的商业和财务资料，无论是以电子还是书面形式，于其他任何用途。除非事先取得公司书面许可，否则会员不可直接或间接地联络或和公司的供应商、厂商或制造商通信。
- b) 权利放弃: 任何一方于任何时候未能执行或符合此规章里任何一项条款不应被理解为对相应条款的放弃，且不应影响此规章或其中任何部分的合法性或其后任何一方按照规章执行每一个条款的权利。任何条款的放弃只有在公司授权人员以书面形式通知的情况下才能生效。
- c) 赔偿: 会员应当赔偿和免除公司和其股东、官员、董事、员工和代理商就会员: (a) 作为会员所进行的活动; (b) 违约行为; 和/或(c) 未能遵守任何适用法律、法规/规章或规则行为，所直接或间接引起，无论是由外界施加或任何一方所承受或招致的任何/一切索赔、要求、责任、损失、费用和开支，包括但不限于法庭费用和律师费。
- d) 责任限制: 在法律允许的程度下，公司对会员因下述行为所承受或招致的任何利润损失，间接、直接、特殊或相应的损害赔偿或任何其他方面的损失一概不负责任，同时会员也放弃就其下述行为向公司索取任何赔偿: a) 会员违约和违反规章、政策、程序、道德守则、指令、业务手册之条款和条件，和/或iELKEN奖励计划; (b) 会员的业务运营; (c) 会员不小心或提供不正确或错误的数据和资料; (d) 会员所提供的材料侵犯任何版权; 或(e) 会员未能向公司提供业务运营所需的任何数据或资料，包括但不限于公司产品的营销和推广，和/或加入或接受任何人士成为公司会员，或佣金和红利的支付。
- e) 损害赔偿限制: 在法律允许的程度下，公司、其联营公司、官员、董事、股东、员工和其他代表对公司绩效，就会员和公司之间的业务关系或其他事项的疏忽行为，无论是基于合同、侵权行为或严格的法律责任所引起的任何利润损失，偶发、特殊或相应或惩戒性的损害赔偿，一概不负责。会员也放弃向公司索取上述损失的任何赔偿。
- f) 不可抗力: 公司对控制范围以外所造成的拖延或业绩失利，包括但不限于罢工、劳工纠纷、火患、战争、政府法令或命令，或惯用供货来源的削减，一概不负责。
- g) 完整协议: 协议、规章和iELKEN奖励计划构成会员和公司之间的完整协议。
- h) 通告: 由公司或会员所给出或送达每一个通知、要求或其他任何形式的通信必须以书面形式和通过电子通讯方式传达，无论是电传、电报、电子邮件或传真 (如果需要以书面形式确认则以挂号邮件或通过专人送达)。任何一方可更改其通知地址并依据本节规定的方式以书面形式知会对方。任何此类通知、要求或通信将依据专人面交方式送达之日，如果是电子通讯方式则确认寄发之日，如果是电子邮件方式则其他证据，被视为已交予或送达对方。
- i) 变更和/或修订: 会员必须遵守公司规章、政策、道德守则、指令和公司不时所做出的任何修订。公司保留权力于任何时候变更/修订其协议条款、奖励计划、规章、政策、程序、道德守则和指令，无需另行通知。所有修订将由公司通过公司官方网站发布通知，并在发布之日起生效。在过去文件/政策和任何该等修订之间发生冲突的情况之下，将以修订版本为准。
- j) 在无法执行协议任何部分的情况下(包括任何有关责任免除的条款)，其内任何其他部分的可执行性应保持全面有效。

Peraturan & Regulasi (“R&R”) Ahli

1. Pengenalan

R&R ini diimplementasikan atas tujuan untuk melindungi hak dan mengawal atur obligasi Ahli-ahli dan bukannya bertujuan untuk menghalang aktiviti perniagaan para ahli. Demi membentuk diri anda menjadi seorang Ahli yang bertanggungjawab serta beretika, anda harus memahami dan mematuhi R&R ini, yang mana mempunyai objektif dalam membina satu persekitaran perangkaian perniagaan yang sihat demi suatu perniagaan berjangka panjang dan berkeuntungan, menggalakkan kesatuan dan keharmonian positif dalam kalangan para Ahli, dan antara Ahli dengan Elken Global Sdn Bhd (“Syarikat”). Kekuatan dan kejayaan anda sebagai seorang Ahli adalah usaha kolektif, yang berasaskan pada perkongsian komitmen dan kepercayaan yang wujud antara Syarikat dan para Ahli.

Setiap Ahli adalah bertanggungjawab untuk; (i) membaca, memahami, mematuhi dan memastikan bahawa ia peka dan beroperasi di bawah versi R&R yang terkini; (ii) mengemas kini butiran perhubungan dan alamat surat-menyurat/e-mel masing-masing kerana Syarikat akan menghantar komunikasi kepada alamat terakhir Ahli seperti yang terdapat di dalam pangkalan datanya. Setiap Ahli bersetuju bahawa perhubungan antara seorang Ahli dengan Syarikat adalah berkontrak keseluruhannya. Maka, Syarikat tidak akan mengakui sebarang tuntutan oleh seseorang Ahli bahawa perhubungan tersebut adalah atau telah bersifat kuasi-kontrak, telah ditimbulkan oleh implikasi daripada sebarang amalan berterusan atau aksi, telah diberikan kuasa secara lisan oleh mana-mana pekerja Syarikat dalam percanggahan dengan R&R atau polisi, atau selain diimplikasikan menurut undang-undang.

R&R dalam bentuk yang sedia ada kini dan seperti yang dipinda oleh Syarikat dari masa ke masa adalah diperbadankan ke dalam dan membentuk sebahagian penting daripada Borang Permohonan Ahli serta membentuk sebahagian daripada persetujuan antara Syarikat dengan Ahli. Kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan di sini mungkin mengakibatkan pelucutan keahlian anda.

1.1 Kod Etika Ahli

Semua Ahli adalah dikehendaki untuk mematuhi Kod Etika Ahli pada setiap masa. Syarikat berhak untuk melucutkan mana-mana keahlian pada sebarang masa atas pelanggaran kod berkenaan. Ikrar Ahli:

- a) Saya akan menuruti piawai tertinggi kejujuran dan integriti dalam menjalankan Perniagaan **IELKEN**.
- b) Saya akan mematuhi R&R, polisi, prosedur, Kod Etika, dan arahan sepanjang masa.
- c) Saya tidak akan mengambil jalan pintas dengan melakukan sebarang penipuan dalam mempromosikan perniagaan Syarikat dalam kalangan industri jualan langsung, Syarikat dan Ahli-ahlinya.
- d) Saya akan mempersembahkan Pelan Pampasan **IELKEN** secara tepat dan jujur, menggambarkan secara jelas paras usaha yang diperlukan untuk mencapai kejayaan.
- e) Saya tidak akan membuat kenyataan negatif atau fitnah tentang Syarikat, produk, pejabat dan kakitangannya, atau orang lain, produk atau syarikat. Saya akan menghormati Syarikat serta perniagaan jualan langsung.
- f) Saya tidak akan menjual produk-produk Syarikat pada harga yang lebih rendah atau lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan atau dibenarkan.
- g) Saya tidak akan menggunakan nama dagang, maklumat, literasi, material pengiklanan dan perhimpunan atau sumber Syarikat lain untuk mempertingkatkan minat perniagaan lain.
- h) Saya akan terus berusaha untuk memastikan bahawa pelanggan saya dan Ahli seperjuangan berpuas hati dengan produk Syarikat dan perkhidmatan saya.

1.2 Status Kontraktor Bebas

- a) Seseorang Ahli merupakan kontraktor bebas dan tidak harus mempersembahkan atau mewakili dirinya sebagai pemberi francais, rakan kongsi, kakitangan, ejen atau wakil yang diberikan kuasa oleh Syarikat dan juga tidak mempunyai hak untuk berunding atau merumuskan sebarang kontrak bagi pihak Syarikat ataupun menunjukkan dirinya mempunyai hak berkenaan.

2. Menjadi Ahli

2.1 Kelayakan

- a) Sesiapa yang berumur sah di sisi undang-undang dan bermastautin di Malaysia layak memohon sebagai Ahli dengan melengkapkan Borang Permohonan Ahli melalui e-pendaftaran. Sebarang permohonan yang menggunakan nama syarikat atau pihak ketiga tidak akan diterima.
- b) Pihak Syarikat berhak untuk menerima dan menolak mana-mana permohonan tanpa memberikan sebarang notis atau alasan.

- c) Seseorang Ahli tidak boleh merupakan seorang ejen, wakil, kakitangan atau pasangan seorang kakitangan sedia ada Syarikat.
- d) Semua permohonan mesti ditaja oleh seorang Ahli sah sedia ada sahaja.
- e) Semua Keahlian bersifat tunggal. Seseorang Ahli mungkin memiliki atau memiliki minat pemilikan dalam satu keahlian kecuali apabila seseorang Ahli sedia ada membeli keahlian orang lain.
- f) Pasangan berkahwin dibenarkan untuk mengekalkan dua keahlian yang berlainan di bawah penajaan yang bergarisan sama, dengan syarat mereka ditaja secara langsung oleh pasangannya.

3. Tempoh dan Pembaharuan

3.1 Tempoh

- a) Sebaik pendaftaran melalui Borang Permohonan Ahli dilengkapkan, Keahlian adalah sah untuk suatu tempoh sepanjang 52 minggu. Keahlian hanya akan diaktifkan setelah layak untuk keperluan pengaktifan di bawah Pelan Pampasan **iELKEN**.
- b) Ahli dikehendaki untuk memastikan bahawa akaun mereka adalah aktif selama 52 minggu berturut-turut, di mana kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan keahlian dilucutkan oleh Syarikat.
- c) Ahli berhak untuk membatalkan Perjanjian dalam tempoh 10 hari berkerja daripada tarikh penyertaan atau menarik diri daripada keahlian mereka pada bila-bila masa selepas itu dengan notis bertulis kepada Syarikat. Semua downlinenya akan dipindahkan kepada upline/penajanya.
- d) Seseorang Ahli perlu menunggu sehingga keahliannya luput (misalnya 52 minggu daripada pembelian terakhir atau 6 bulan setelah Syarikat menerima surat penarikan dirinya), yang mana lebih awal, atau dalam tempoh berlainan yang ditetapkan oleh Syarikat, sebelum ia boleh memohon semula menjadi Ahli.

3.2 Pembaharuan

- a) Ahli dikehendaki untuk membaharui Keahliannya setiap tahun dengan membayar yuran pembaharuan sebanyak MYR42 pada atau sebelum tempoh 52 minggu di mana kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan keahliannya dilucutkan oleh Syarikat. Secara alternatif, yuran keahlian boleh dikecualikan sekiranya Ahli mengekalkan PS \geq 60CV dalam seminggu pada sebarang minggu yang diberikan sepanjang tempoh keahlian.

4. Perubahan/Pembetulan Penajaan & Penempatan

4.1 Prinsip Penajaan

- a) Mengikut polisi Syarikat, semua Ahli tidak dibenarkan untuk menukar penaja sama sekali. Sebarang permohonan yang bertujuan untuk menukar penaja akan ditolak kecuali disebabkan ralat penempatan Ahli dan tertakluk kepada keadaan khusus yang ternyata di dalam klausa 4.3 di bawah.
- b) Mengikut polisi Syarikat, seseorang Ahli tidak boleh ditaja oleh dua atau lebih keahlian. Perbuatan demikian boleh menyebabkan keahlian mereka ditamatkan.
- c) Permohonan untuk menukar penaja atau memindah sebahagian daripada kumpulan peribadi seseorang Ahli adalah tidak dibenarkan.

4.2 Penajaan Bersilang

- a) Tiada Penajaan Bersilang keahlian dibenarkan. Penajaan Bersilang dalam konteks ini bermaksud:
 - i) Menaja seorang Ahli yang sedia ada dari kumpulan lain.
 - ii) Menaja di bawah penaja lain untuk menjalankan perniagaan sementara keahliannya masih sah.
 - iii) Membenarkan orang lain atau saudara-mara untuk menggunakan keahlian sendiri untuk tujuan perniagaan.
- b) Apabila Penajaan Bersilang berlaku, tindakan berikut akan diambil:
 - 1. i Keahlian Ahli yang menaja Ahli dari kumpulan lain akan ditamatkan.
 - ii) Semua Ahli yang terlibat akan dipindah milik semula kepada penaja asalnya.
 - 2. i) Jika Ahli "A" didapati menggunakan keahlian orang lain atau saudaranya "B" di bawah kumpulan lain untuk menjalankan perniagaan.
 - ii) Keahlian "B" akan ditamatkan dan semua Ahli downline "B" akan dipindahkan kepada "A".
- c) Syarikat berhak:
 - i) Menahan pembayaran komisen/bonus Ahli tersebut; dan/atau

ii) Menamatkan keahlian Ahli tersebut atas budi bicara Syarikat.

4.3 Peraturan Penempatan

- a) Penaja memiliki hak tunggal untuk menentukan penempatan downline yang ditaja olehnya dan hanya boleh menempatkan mereka di bawah akaun sedia adanya dalam kalangan kumpulan downlinenya.
- b) Penaja tidak boleh menempatkan seorang downline di penempatan yang bercanggahan dengan klausa 4.1 dan 4.2 seperti yang ternyata di atas.
- c) Sekiranya arahan penempatan daripada penaja adalah tidak jelas, beralat, bertentangan dengan R&R (termasuk Pelan Pampasan) atau tiada arahan penempatan diberikan sama sekali, penempatan asal akan terjadi di mana penempatan akaun downline akan ditentukan seperti keadaan asal, misalnya penempatan pada posisi kosong pertama akaun penajanya.

4.4 Perubahan/Pembetulan Penempatan

- a) Dengan persetujuan bertulis penaja terkini, Ahli boleh menulis surat kepada Ibu Pejabat Syarikat meminta untuk 1 kali perubahan atau pembedulan penempatan penaja dalam tempoh 3 hari dari tarikh penyertaan Ahli baharu.
- b) Sebarang permintaan berikutan adalah tertakluk kepada tinjauan dan kelulusan Syarikat. Syarikat berhak untuk menolak atau meluluskan sebarang permintaan pada budi bicaranya sendiri. Jika permintaan perubahan penempatan/pembedulan penaja diluluskan, Ahli hendaklah membayar suatu yuran perubahan penempatan sebanyak MYR105.

5. Perwakilan & Obligasi

5.1 Perwakilan

- a) Ahli tidak dibenarkan mendaftarkan atau mencuba untuk mendaftarkan seseorang individu tanpa pengetahuannya atau mendaftarkan atau mencuba untuk mendaftarkan seseorang individu yang tidak wujud (bayang-bayangan) sebagai seorang Ahli atau melengkapkan secara penipuan Borang Permohonan Ahli bagi pihaknya.
- b) Ahli hanya boleh menjalankan operasi perniagaannya dalam negara di mana ia mendaftar sebagai ahli.

5.2 Obligasi

- a) Ahli hendaklah bertanggungjawab untuk membayar cukai yang berkaitan dengan pendapatannya menurut perundangan/regulasi cukai tempatan yang berkenaan.
- b) Ahli-ahli harus mematuhi kesemua undang-undang, perundangan, regulasi dan ordinar yang berkenaan yang melibatkan operasi perniagaannya di dalam negara kediaman masing-masing.
- c) Ahli-ahli adalah wajib untuk membekalkan resit kepada pelanggan runcit dan menyimpan rekod perniagaan secara lengkap dan tepat.
- d) Ahli-ahli dikehendaki untuk memberikan bimbingan, latihan dan penyeliaan yang memadai kepada downlinenya dan kepada Ahli-ahli tajaan dirinya.

6. Pelanggaran R&R

6.1 Tindakan yang Dilarang Seseorang ahli tidak harus:

- a) Menanggung sebarang liabiliti atau hutang dengan nama atau bagi pihak Syarikat;
- b) Membuat atau mengubah suai atau meminda atau menamatkan sebarang kontrak bagi pihak Syarikat;
- c) Menjalankan perundingan, menyetujui sebarang kontrak dan/atau perjanjian untuk dan bagi pihak Syarikat;
- d) Menaja atau mendekati atau mencuba untuk menaja atau mendekati Ahli Syarikat, kakitangan, pembekal, pengeluar, pakar runding dan penjual, ke dalam sebarang bentuk perdagangan, perniagaan atau profesion yang sama ada secara langsung atau tidak langsung, membentuk persaingan atau konflik dengan kepentingan Syarikat atau mempengaruhi atau menamatkan pekerjaan atau hubungan perniagaan dengan Syarikat;
- e) Memperoleh penyertaan sebarang Ahli Syarikat, kakitangan, pembekal, pakar runding, pengeluar, dan penjual untuk membeli sebarang produk selain keluaran Syarikat atau peluang atau menyertai sebarang perdagangan, perniagaan atau profesion sama ada secara langsung atau tidak langsung, membentuk persaingan atau konflik dengan kepentingan Syarikat. Walau apa pun yang tersebut sebelumnya, peruntukan ini tidak tertakluk kepada perniagaan/perdagangan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat bersekutu dan berkaitan lain dalam Kumpulan Elken;
- f) Terbabit dalam atau berminat sama ada langsung atau tidak langsung atau sama ada selaku pengarah, pemegang saham, proksi, prinsipal, ejen, kakitangan atau pemegang lesen dalam menggalakkan minat atau peluang dan penjualan sebarang produk atau barangan selain keluaran Syarikat dalam sebarang perdagangan, perniagaan atau

profesion secara langsung atau tidak langsung, membentuk persaingan atau konflik dengan kepentingan Syarikat. Walau apa pun yang tersebut sebelumnya, peruntukan ini tidak tertakluk kepada perniagaan/perdagangan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat bersekutu dan berkaitan lain dalam Kumpulan Elken;

- g) Mempengaruhi Ahli, kakitangan atau ejen Syarikat atau anak syarikatnya yang sedia ada dalam apa jua cara yang mungkin merugikan, bersifat prejudis, memburukkan atau mungkin menjejaskan operasi atau imej Syarikat;
- h) Terbabit dalam sebarang kenyataan media mengenai maklumat korporat yang berkaitan dengan Syarikat (termasuk temu bual peribadi yang dibenarkan) kepada surat akhbar/majalah/media lain tanpa kebenaran bertulis daripada Syarikat terlebih dahulu;
- i) Melanggar sebarang terma yang tertera dalam R&R, polisi, prosedur, Kod Etika dan arahan.

6.2 Melaporkan Pelanggaran

- a) Setiap ahli diwajibkan untuk mematuhi dan mengekalkan integriti R&R. Jika seorang ahli memerhatikan Ahli lain melakukan sebarang tindakan yang melanggarnya, ia patut melaporkan kes pelanggaran tersebut kepada Syarikat melalui e-mel kepada Jabatan Khidmat Pelanggan dengan membekalkan maklumat yang menjelaskan punca pelanggaran tersebut.

6.3 Prosedur Pembetulan, Penggantungan dan Penamatan Keahlian Akibat Pelanggaran R&R

- a) Pelanggaran R&R merupakan suatu isu yang serius dan membentuk kemungkiran kontrak oleh Ahli tersebut. Pelanggaran ini berpotensi mengakibatkan impak yang negatif bukan sahaja terhadap perniagaan Ahli bebas yang terlibat, tetapi juga Ahli lain. Pada masa yang sama, kejadian ini mungkin mendatangkan imej yang mengaibkan dan tanggapan negatif terhadap Syarikat, Ahlinya, rakan kongsi, pegawai, pemegang saham, Lembaga Pengarah dan ejen atau masyarakat, media dan pihak berkuasa berkenaan.

Syarikat membekalkan garis panduan dan nasihat dalam membetulkan sebarang pelanggaran dan apabila keseriusan keadaan meningkat, ia akan mengenakan tindakan yang sewajarnya terhadap Ahli yang terlibat. Dalam kes pelanggaran, prosedur berikut harus dituruti:

- i) Dalam sebarang pelanggaran, suatu aduan harus dilaporkan serta-merta kepada Syarikat. Pengadu boleh menghantar e-mel kepada Jabatan Khidmat Pelanggan dengan membekalkan maklumat yang menjelaskan punca pelanggaran. Pengadu juga perlu memberitahu uplinenya tentang aduan yang dikemukakan terhadap Ahli tersebut.
- ii) Setelah aduan diterima, Syarikat akan memaklumkan kepada Ahli yang dituduh dan menuntut maklum balas yang segera serta memberikan peluang kepadanya untuk menjelaskan tuduhan pelanggaran tersebut.
- iii) Jika Syarikat mendapati bahawa maklumat yang dibekalkan oleh pengadu dan Ahli yang tertuduh adalah tidak mencukupi, Syarikat berhak untuk menuntut maklumat lanjut daripada mana-mana pihak. Syarikat boleh, pada bila-bila masa, menahan komisen di bawah Pelan Pampasan **iELKEN** atau sebarang kempen produk dan insentif, atau menarik balik kemudahan dan keistimewaan Ahli (jika ada) sementara menunggu keputusan akhir penyiasatan.
- iv) Setelah memperoleh semua maklumat tentang pelanggaran yang dituntut oleh pengadu, Syarikat akan berbincang dengan Ahli yang terlibat untuk memastikan bahawa pelanggaran tersebut tidak akan berulang. Jika diperlukan, aduan yang dikemukakan akan diserahkan untuk perbincangan yang lebih lanjut oleh Syarikat dengan perundingan Pihak Pengurusan.
- v) Jika, atas prinsip kesaksamaan, Syarikat yakin bahawa satu-satunya penyelesaian untuk membetulkan pelanggaran tersebut adalah dengan menggantung atau menamatkan keahlian Ahli tersebut, ia akan mengeluarkan satu surat makluman keputusan kepada ahli tersebut. Surat tersebut akan dikirimkan melalui mel berdaftar kepada alamat terakhir yang diketahui Ahli tersebut seperti yang tersenarai dalam pangkalan data Syarikat dan cap pos harus diterima sebagai bukti penerimaan. Dalam kes pengantungan, surat tersebut harus menyatakan penerangan yang ringkas tentang aduan yang dikemukakan terhadap Ahli yang digantung keahliannya, di samping memerincikan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk membetulkan kelakuannya serta tarikh akhir kepatuhannya.
- vi) Kegagalan ahli yang digantung keahlian untuk membetulkan kelakuannya dalam tempoh yang diberikan akan membawa kepada pelucutan keahliannya.
- vii) Syarikat berhak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap Ahli yang ditamatkan keahlian dan menuntut sebarang pampasan atas sebarang ganti rugi dan kos perundangan yang dikenakan.
- viii) Syarikat berhak untuk meminda atau mengubah mana-mana bahagian prosedur di

atas apabila diperlukan tanpa sebarang notis awal.

- b) Syarikat akan mengirimkan surat yang berdaftar untuk memaklumkan kepada Ahli tentang penggantungan atau penamatan keahliannya.
- c) Ahli boleh memilih untuk menggantung keahlian mereka dengan notis bertulis kepada Syarikat. Dengan berbuat demikian, Ahli mesti menunggu sehingga keahliannya luput (52 minggu daripada pembelian terakhir) sebelum memohon semula untuk menjadi Ahli.
- d) Keengganan untuk menghantar atau memulangkan produk yang dibeli sebelumnya untuk suatu pulangan wang dianggap sebagai penggantungan keahlian secara sukarela.

6.4 Kesan Penggantungan dan Pelucutan

- a) Ahli yang digantung atau dilucutkan keahlian adalah tidak dibenarkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, untuk memasuki premis Syarikat, membeli produk, mengadakan atau menghadiri mesyuarat atau rombongan insentif, atau menyertai aktiviti membina, menaja atau perkembangan mana-mana keahlian Syarikat. Ia harus berhenti mengidentifikasikan diri sebagai Ahli Syarikat dan harus berjanji tidak akan mempengaruhi Ahli sedia ada, kakitangan atau ejen Syarikat atau subsidiarinya dalam sebarang keadaan yang mungkin bersifat menjejaskan, memudaratkan dan memburukkan atau yang mana akan mengganggu operasi atau imej Syarikat.
- b) Mana-mana Ahli yang digantung/ditamatkan keahliannya tidak lagi layak untuk status keahliannya dan semua Pelan Pampasan **IELKEN**, manfaat dan hak. (Arahan berdiri untuk pembelian masa depan akan dilucutkan dan Syarikat akan mengembalikan wang bagi tabung yang tidak digunakan (sekiranya ada) selepas menolak caj-caj pentadbiran. Organisasi downlinenya akan dipindahkan kepada penaja langsungnya. Ahli yang menarik diri, digantung atau dilucutkan keahlian tidak lagi mempunyai sebarang tuntutan lanjut terhadap Syarikat. Seorang Ahli yang menarik diri atau digantung atau dilucutkan keahlian boleh memohon semula keahlian baharu selepas penarikan diri, penggantungan atau pelucutan keahliannya tertakluk kepada kelulusan Syarikat dan Klausula 6.4 (d).
- c) Mana-mana individu yang memohon semula untuk menjadi Ahli Syarikat tidak lagi memiliki tuntutan ke atas mana-mana bonus/insentif, pangkat atau status, yang ia nikmati atau pegang sebelum penggantungan/pelucutan atau penarikan dirinya.
- d) Syarikat berhak untuk menuntut ganti rugi daripada Ahli yang digantung atau ditamatkan keahlian sekiranya ia melanggar R&R atau telah menyertai mana-mana tindakan yang mungkin mengakibatkan atau telah menyebabkan kerugian dari segi kewangan atau selainnya kepada Syarikat.

7. Penjualan dan Penyambungan Keahlian

7.1 Penjualan Keahlian

Penjualan keahlian senantiasa tertakluk kepada kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ibu Pejabat Syarikat dan seharusnya memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Hanya keahlian berpangkat Royal Crown dan ke atas yang berprestasi baik dalam Syarikat serta tidak melanggar sebarang R&R boleh dijual. Ahli mesti memohon kelulusan bertulis terdahulu daripada Syarikat sebelum sebarang penjualan keahlian boleh dilakukan. Kelulusan adalah berasaskan tinjauan kelayakan dan niat bakal pembeli untuk mengurus dan tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan Syarikat.
- b) Penjualan keahlian mengikuti susunan keutamaan berikut:
 - i) Keutamaan pertama Penaja langsung Ahli
 - ii) Keutamaan kedua Mana-mana Ahli upline
 - iii) Keutamaan ketiga
Salah seorang downline Royal Crown yang ditaja oleh Ahli berkenaan
 - (iv) Keutamaan keempat
Salah seorang Ahli Syarikat yang berpangkat Royal Crown atau yang ke atas
- c) Setelah mendapatkan kelulusan bertulis ke atas penjualan daripada Syarikat, satu perjanjian jualan dan belian mesti ditandatangani antara pembeli dan penjual. Suatu yuran pemindahan sebanyak MYR210 bersama satu salinan perjanjian jualan dan belian sewajarnya harus diberikan kepada Syarikat untuk disimpan selamat.
- d) Mana-mana Ahli yang telah menjual keahliannya hanya boleh memohon semula untuk menyertai sebagai Ahli Syarikat selepas setahun dari tarikh jualan. Tambahan, ia akan bermula dari permulaan tanpa sebarang pautan dengan downline sebelumnya.
- e) Semua bonus terkumpul kepada keahlian sebelumnya akan dibayar kepada pemilik baharu. Anugerah dan pengiktirafan yang diberikan sebelumnya akan dipindahkan kepada pemilik baharu, sekiranya pemilik baharu merupakan seorang Ahli Syarikat.

Bagaimanapun, pemilik baharu harus mencapai kelayakan yang diperlukan sebelum ia layak untuk memperoleh mana-mana anugerah dan pengiktirafan ke atas keahlian yang dipindahmilikan.

- f) Penjualan dan pembelian keahlian sedia ada atas tujuan untuk menukar keahlian adalah tidak digalakkan. Syarikat akan meneliti transaksi sedemikian agar tidak melanggar polisi penting yang lain.

Syarikat berhak untuk tidak meluluskan sebarang jualan keahlian tanpa memerlukan sebarang alasan. Sebarang usaha untuk memintasi pematuhan sesi ini akan menyebabkan pemindahan tersebut diisytiharkan sebagai batal dan tak sah.

7.2 Pewarisan

- a) Apabila seorang Ahli meninggal dunia, hilang keupayaan atau menghadapi masalah kesihatan, keahliannya akan dipindahkan kepada benefisiari Ahli, selaras dengan Polisi Benefisiari Syarikat dan undang-undang berkaitan di negara terbabit.
- b) Seorang Ahli (selaku pemindah) boleh mencalonkan nama penerima pindahannya untuk dirangkumkan ke dalam keahliannya untuk melancarkan pemindahan keahlian jika berlakunya kematian. Penerima pindahan mestilah waris terdekatnya, iaitu pasangannya, ibu bapa, anak, atau adik-beradik terdekat, dan pemindahan perlu disokong oleh dokumen berkaitan. Nama pemindah mesti mengekalkan keahlian sehingga kematiannya dan dokumentasi perancangan harta sokongan mesti dikemukakan kepada Syarikat. Pemindahan sedemikian tertakluk kepada terma dan syarat seperti mana yang dikuatkuasakan oleh Syarikat dan kebenaran bertulis daripada Syarikat terlebih dahulu dan kebenaran tersebut boleh ditarik balik pada bila-bila masa tanpa sebarang notis kepada Ahli tersebut.

8. Penjualan Produk dan Penentuan Harga

8.1 Perwakilan Jualan

- a) Integriti Pelan Pampasan **iELKEN** dan keyakinan Ahli-ahli lain perlu dimartabatkan setiap masa dan Ahli wajib menerangkan Produk Syarikat dan Pelan Pampasan **iELKEN** secara benar dan tepat. Ahli-ahli tidak harus menyampaikan atau menyebarkan sebarang maklumat mengenai Syarikat yang tidak tepat dan tidak benar.
- b) Ahli tidak harus membuat sebarang tuntutan, perwakilan atau mengimpikasikan secara langsung atau tidak langsung, sebarang perkara tentang Produk Syarikat selain yang dijumpai dalam bahan literasi dan/atau label Syarikat terkini. Jika reputasi Syarikat terjejas di atas sebab tersebut, Ahli tersebut akan menanggung segala kos atau kerugian atas tindakannya. Selain itu, mereka juga tidak boleh mengikat atau menuntut daripada Syarikat sebarang pembayaran kos dan kerugian yang timbul.
- c) Penerangan perlu dibuat bahawa program Syarikat adalah berdasarkan penjualan produk Syarikat dan bukan melalui pengambilan atau kenaikan pangkat dalam Pelan Pampasan **iELKEN**. Penerangan juga perlu menyatakan bahawa komisen jualan merupakan hasil daripada usaha yang gigih dan komited dan Ahli tidak dibenarkan membesar-besarkan sebarang tuntutan pendapatan.
- d) Kesemua kenyataan mengenai deskripsi dan kegunaan Produk mesti mematuhi polisi bertulis Syarikat dalam apa jua keadaan.
- e) Ahli tidak dibenarkan untuk mengenakan suatu belian minimum atau mendesak bakal ahli untuk membeli Produk lebih daripada yang boleh dijual, guna atau mengekalkan suatu jumlah produk yang tertentu sebelum menyertai Syarikat.
- f) Ahli hanya boleh menggunakan kad kredit dengan namanya tercetak atas kad kredit untuk sebarang belian dan memastikan bahawa maklumat kad kredit adalah tepat dengan tabungan yang mencukupi.

8.2 Penentuan Harga

- a) Ahli wajib menjual produk kepada pelanggan pada Harga Runcit Pengguna (CRP). Hanya Ahli boleh menikmati produk Syarikat pada Harga Ahli (MP) dan pakej promosi rasmi yang ditawarkan Syarikat.
- b) Ahli adalah dilarang untuk menurunkan/memotong atau menaikkan harga mana-mana produk Syarikat atas tujuan memperoleh keuntungan yang lebih atau merangsang prestasi penjualan. Tindakan ini mungkin mendatangkan pelucutan keahlian dan/atau tindakan undang-undang oleh Syarikat.
- c) Penurunan dan peningkatan harga dalam konteks di atas bermaksud:
 - i) Semua produk Syarikat harus dijual pada harga yang ditetapkan atau dibenarkan oleh Syarikat. Tiada Ahli dibenarkan untuk meningkatkan atau menurunkan harga sebarang produk.
 - ii) Tiada Ahli dibenarkan untuk mengadakan promosi sendiri kecuali dengan

kebenaran bertulis daripada Syarikat terlebih dahulu.

- iii) Produk yang diperoleh sewaktu promosi atau tawaran belian harus dijual pada harga yang ditetapkan atau dibenarkan oleh Syarikat.
- iv) Ahli tidak dibenarkan untuk menghasut, menggalak, memaksa dan mengajar downlinenya untuk mendapatkan rebat bonus/bayaran balik komisen agar lebih berdaya saing dalam penentuan harga.
- v) Ahli tidak dibenarkan untuk menjual semula produk Syarikat kepada downline, sideline dan kumpulan lain tanpa mengemukakan laporan jualan kepada Syarikat.
- vi) Ahli tidak dibenarkan untuk membeli/menjual kepada kakitangan Syarikat dan sebaliknya.

9. Jaminan Produk dan Bayaran Balik

9.1 Jaminan Produk

Jika timbul sebarang ketidakpuasan, kecacatan pembuatan atau pembungkusan, Pelanggan/Ahli boleh memulangkan/menukar Produk dalam tempoh 90 hari dari tarikh pembelian. Mereka perlu mengemukakan satu sebab yang munasabah dan memulangkan produk tersebut dengan salinan Resit Pesanan Pelanggan.

Selepas itu, Pelanggan/Ahli boleh memulangkan produk kepada Syarikat dan menukar dengan produk yang sama dalam tempoh 90 hari dari tarikh pembelian. Produk yang dipulangkan mestilah berada dalam keadaan yang baik, masih boleh diguna, dijual dan diisi semula, belum dibuka, tidak diubah dan hayat simpanan belum luput lagi, Pelanggan/Ahli mesti melampirkan yang berikut semasa memulangkan produk:

- Borang Pemulangan Produk (disertai Produk dan dinyatakan sebab pemulangan)
- Salinan Invois/Pesanan Tunai dan Resit Pesanan Pelanggan

Walau bagaimanapun, jaminan ini tidak tertakluk kepada produk yang telah tamat tempoh atau produk yang rosak disebabkan oleh kecuaiian, salah guna, pengendalian yang tidak betul atau pengubahsuaian yang tidak dibenarkan.

9.2 Bayaran balik

Dengan penarikan diri keahlian secara sukarela, Ahli boleh memohon untuk memulangkan mana mana Produk Syarikat dalam tempoh 180 hari dari tarikh pembelian jika Produk adalah dalam keadaan baik, masih boleh diguna, dijual dan diisi semula, belum dibuka, tidak diubah dan hayat simpanan belum luput lagi.

Setelah diluluskan, jumlah yang dibayar balik akan bersamaan dengan kos Produk yang dipulangkan Ahli, ditolak jumlah bonus yang dibayar dalam pembelian asal, sebarang faedah insentif yang dibayar di bawah sebarang kempen dan 10% caj perkhidmatan daripada Harga Produk Ahli untuk menampung kos pengendalian dan pengangkutan produk.

10. Tanda dagangan, Pengiklanan dan Media Sosial

10.1 Tanda dagangan

- a) Selain bahan-bahan cetakan yang dibekalkan dan/atau dijual kepada Ahli, Ahli tidak harus menggunakan nama Syarikat, logonya, tanda dagangan dan/atau bentuk perwakilan Syarikat lain tanpa kelulusan bertulis daripada Syarikat terlebih dahulu. Apabila Keahlian luput, digantung/dilucutkan, Ahli yang terbabit:
 - i) Harus berhenti menggunakan logo Syarikat, tanda dagangan, dan/atau sebarang bentuk perwakilan lain; dan
 - ii) Tidak menggunakan sebarang nama, lambang, label, alat tulis, nama Produk, hak cipta, reka bentuk dan/atau sebarang bahan-bahan cetakan berkaitan dengan sebarang Produk Syarikat.
- b) Ahli tidak harus mendaftarkan diri atau menggunakan sebarang nama Syarikat, tanda dagangan, logo atau nama produk dalam sebarang laman web, URL, alamat, nama domain, pengiklanan media elektronik atau bentuk pengiklanan yang lain.

10.2 Pengiklanan

- a) Ahli tidak harus mengiklankan Produk Syarikat dan/atau Pelan Pampasannya tanpa kebenaran bertulis daripada Syarikat terlebih dahulu kecuali menggunakan bahasa atau kandungan yang sama seperti yang digunakan dalam bahan-bahan cetakan Syarikat.
- b) Ahli tidak harus menyalin, mencetak semula atau memperibadikan sebarang/semua literasi dan bahan-bahan rasmi Syarikat tanpa memperoleh kebenaran bertulis daripada Syarikat terlebih dahulu. Semua bahan promosi yang dihasilkan sendiri mesti diluluskan secara bertulis daripada Syarikat sebelum penerbitannya.
- c) Semua produk Syarikat harus dijual dalam bentuk dan pembungkusan yang asal. Ahli tidak

boleh mengubah, melabel semula, membungkus semula, membendel semula, membuka bendel, menjual dalam bentuk urai atau sebaliknya mengubah sebarang produk Syarikat atau menjual sebarang produk di bawah nama dan label selain yang dibenarkan oleh Syarikat.

- d) Ahli perlu memperoleh kebenaran bertulis daripada Syarikat terlebih dahulu sebelum menjual, menyertai dan memaparkan produk Syarikat di pameran atau konvensyen perdagangan.
- e) Ahli perlu memperoleh kebenaran bertulis Syarikat terlebih dahulu sebelum menyertai sebarang temu bual media, memberi respon terhadap sebarang pertanyaan media atau mempromosikan produk atau peluang melalui sebarang laporan akhbar atau penerbitan industri perdagangan.

10.3 Internet and Media Sosial

- a) Ahli hanya boleh mempromosikan perniagaan **IELKEN** melalui program laman web replikasi Syarikat.
- b) Ahli mesti memperoleh kebenaran bertulis Syarikat terlebih dahulu sebelum menubuhkan sebarang platform sosial dalam talian, termasuk tetapi tidak terbatas kepada blog, laman-laman, akaun Facebook untuk berkongsi pengalaman peribadi dan/atau pengalaman rangkaian. Maklumat dan/atau kandungan sedemikian yang diterbitkan harus mematuhi peruntukan R&R.
- c) Sebarang pengiklanan dalam talian mengenai produk Syarikat, kempen dan promosi hanya boleh diterbitkan setelah memperoleh kebenaran bertulis Syarikat terlebih dahulu.

11. Komisen dan Pembayaran Bonus

- a) Semua komisen dan/atau bonus bakal dibayar di bawah Pelan Pampasan **IELKEN** adalah berdasarkan jualan Produk Syarikat dan bukan melalui perekrutan atau kenaikan pangkat. Hanya keahlian yang Aktif dan Teraktif layak untuk komisen dan/atau bonus.
- b) Semua komisen mingguan dan/atau bonus akan dibayar dalam mata wang tempatan dalam tempoh 21 hari selepas berakhirnya setiap minggu kecuali Dividen Suku Tahun yang akan dibayar dalam tempoh 21 hari selepas berakhirnya setiap suku tahun. Keadaan yang tidak diduga disebabkan faktor luaran yang di luar kawalan Syarikat mungkin mengakibatkan penangguhan beberapa hari.
- c) Pembayaran minimum untuk komisen ialah MYR42. Sebarang komisen yang dijana yang kurang daripada MYR42 akan dikumpulkan dan dibayar kepada Ahli apabila jumlahnya melebihi MYR42.
- d) Syarikat layak mengenakan yuran MYR84 untuk situasi berikut:
 - i. Tiada aktiviti komisen untuk suatu tempoh 12 bulan dalam e-dompot Ahli;
 - ii. Bayaran komisen yang ditangguhkan/menunggu kelulusan disebabkan tindakan/pengenehan Ahli untuk tempoh 6 bulan.
- e) Setelah menerima Penyata Bonus mingguan, Ahli harus menyemak untuk memastikan bahawa angka adalah betul. Sebarang pertanyaan harus dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh pengeluaran penyata. Jika tidak, Penyata Bonus akan dianggap betul.
- f) Syarikat layak untuk melaraskan semua komisen dan/atau bonus yang dibayar atau bakal dibayar kesan daripada Produk yang dipulangkan/dibayar balik dan komisen dan/atau bonus akan dilaraskan dengan sewajarnya dalam Penyata Bonus mingguannya.

12. Peruntukan Am

- a) Kerahsiaan: Ahli-ahli tidak harus mendedahkan kepada pihak ketiga atau menggunakan maklumat yang sulit termasuk tetapi tidak terbatas kepada genealogi, maklumat pengeluar, komisen dan laporan jualan, spesifikasi atau rumusan produk dan maklumat perniagaan dan kewangan Syarikat lain yang diterima sama ada dalam bentuk elektronik atau bertulis untuk sebarang tujuan melainkan yang dibenarkan oleh Syarikat serta berhubung atau berkomunikasi sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan pembekal, penjual atau pengeluar kecuali dengan kebenaran bertulis Syarikat terlebih dahulu.
- b) Pengecualian: Kegagalan untuk menguatkuasakan atau melaksanakan, pada bila-bila masa, mana-mana satu peruntukan yang tertera dalam R&R ini tidak boleh ditafsirkan sebagai pengecualian peruntukan tersebut, dan tidak akan mempengaruhi kesahihan R&R ini atau mana-mana bahagiannya atau hak mana-mana pihak untuk menguatkuasakan setiap satu peruntukan selaras dengan terma R&R ini. Sebarang pengecualian oleh Syarikat hanya memberi kesan secara bertulis oleh kakitangan yang ditauliahkan oleh Syarikat.
- c) Indemniti: Ahli-ahli harus melindungi dan membebaskan Syarikat, pemegang saham, pegawai, pengarah, kakitangan dan ejennya daripada sebarang/semua tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kos atau perbelanjaan, termasuk tetapi tidak terbatas kepada, kos mahkamah dan kos guaman yang dikuatkuasakan terhadap atau dibebankan atau ditanggung oleh salah satu dakwaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung kesan daripada atau berkait dengan

atau berhubung dengan dakwaan atau selainnya, Ahli: (a) aktiviti sebagai Ahli; (b) Pelanggaran terma Perjanjian; dan/atau (c) kegagalan untuk mematuhi undang-undang, perundangan/regulasi atau peraturan yang berkenaan.

- d) Had Liabiliti: Seperti yang dibenarkan undang-undang, Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas, dan Ahli membebaskan Syarikat daripada, dan mengecualikan semua tuntutan untuk sebarang kerugian, yang bersifat tidak langsung, langsung, kerosakan khas atau lanjutan atau sebarang kerugian lain yang ditanggung atau dibebankan oleh Ahli kesan daripada: (a) pelanggaran Perjanjian, R&R, polisi, prosedur, Kod Etika, arahan, terma dan syarat daripada Manual Panduan Perniagaan, dan/atau Pelan Pampasan **IELKEN** oleh Ahli; (b) Operasi perniagaan Ahli; (c) sebarang data atau maklumat yang tidak disengajakan, tidak tepat atau salah yang dibekalkan oleh Ahli; (d) pelanggaran sebarang hak cipta berkaitan bahan-bahan yang dibekalkan oleh Ahli; atau (e) kegagalan Ahli untuk membekalkan sebarang maklumat atau data yang diperlukan Syarikat untuk tujuan operasi perniagaan termasuk tetapi tidak terbatas kepada pemasaran dan promosi Produk Syarikat dan/atau penyertaan dan penerimaan mana-mana individu sebagai Ahli Syarikat atau pembayaran komisen dan bonus.
- e) Had Kerugian: Seperti yang dibenarkan undang-undang, Syarikat, sekutunya, pegawai, pengarah, pemegang saham, kakitangan dan wakil lain tidak akan bertanggungjawab atas, dan setiap Ahli dengan ini membebaskan yang tersebut di atas, dan mengecualikan semua tuntutan atas kehilangan keuntungan, kerugian yang bersifat sampingan, khas atau lanjutan atau ganti rugi teladan yang terjadi kesan daripada sebarang tuntutan sekalipun berkaitan prestasi atau kegagalan Syarikat, tindakan pengecualian berkaitan hubungan perniagaan atau perkara lain antara Ahli dan Syarikat sama ada dalam kontrak, salah laku atau liabiliti ketat. Tambahan, persetujuan dicapai yang mana sebarang kerugian terhadap Ahli tidak melebihi dan dengan ini secara nyata terhad kepada jumlah Produk Syarikat yang tidak terjual yang dimiliki oleh Ahli dan sebarang komisen dan/atau bonus tertunggak kepada Ahli.
- f) Force Majeure: Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas penangguhan atau kegagalan dalam prestasi yang disebabkan keadaan di luar kawalan Syarikat termasuk tetapi tidak terbatas kepada mogok, masalah tenaga kerja, kebakaran, peperangan, perintah atau arahan kerajaan atau pengurangan sumber bekalan biasa oleh salah satu pihak.
- g) Keseluruhan Perjanjian: Perjanjian, R&R dan Pelan Pampasan **IELKEN** secara kolektif membentuk keseluruhan Perjanjian antara Ahli dengan Syarikat.
- h) Notis: Setiap notis, tuntutan atau apa-apa jua jenis komunikasi lain yang diberi/dibekalkan oleh sama ada Syarikat atau Ahli harus secara bertulis dan dihantar dengan komunikasi elektronik, sama ada teleks, telegram, e-mel atau faks (jika disahkan secara bertulis untuk dihantar ke surat berdaftar atau dengan perkhidmatan peribadi). Mana-mana pihak boleh menukar alamat untuk notis dengan memberi notis bertulis kepada pihak lain dengan cara yang dibekalkan dalam bahagian ini. Sebarang notis, tuntutan atau komunikasi sedemikian dianggap diberi atau dibekalkan pada tarikh yang diberikan perkhidmatan peribadi, pada tarikh pengesahan cara pengiriman jika melalui komunikasi elektronik, atau bukti lain bagi penghantaran melalui surat.
- i) Perubahan dan/atau Pemindaan: Ahli harus mematuhi R&R, polisi, prosedur, Kod Etika, arahan dan sebarang pemindaan yang dilaksanakan Syarikat dari semasa ke semasa. Syarikat berhak untuk meminda/mengubah Terma Perjanjian, Pelan Pampasan, R&R, polisi, prosedur, Kod Etika dan arahan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Pemindaan akan disampaikan oleh Syarikat melalui penerbitan di laman web Syarikat dan berkuat kuasa dan mengikat bermula dari tarikh penerbitan. Jika sebarang konflik wujud antara dokumen/polisi sebelumnya dan pemindaannya, pemindaan adalah sah dari segi undang-undang.
- j) Jika mana-mana bahagian Perjanjian tidak boleh dikuatkuasakan (termasuk sebarang peruntukan pengecualian liabiliti), penguatkuasaan perincian lain dalam bahagian tersebut akan kekal sah dan berkuat kuasa sepenuhnya.